

Headline **Pusat kesihatan anti-oksida**
Date **13 Sep 2011**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **9**
Article Size **173 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,419**
PRValue **10,258**



Pusat kesihatan anti-oksida

LAZIMNYA sumber antioksidan untuk tubuh badan diperolehi melalui pemakanan yang sihat, buah-buahan, sayur-sayuran dan suplemen kesihatan.

Kini buat julung kali melalui teknologi dikenali sebagai mikro-organisma efektif (EM), sumber anti-oksida boleh diserap oleh tubuh ketika kita bernafas dan semasa berehat atau tidur.

Teknologi dibangunkan di Jepun yang pada asalnya untuk tujuan pertanian tetapi kemudian didapati boleh digunakan dalam pelbagai bidang seperti rawatan air, penjagaan kesihatan, pemprosesan makanan dan sebagainya, kini diperkenalkan di negara ini melalui Pusat Kesihatan Antioksidan Ecolife.

Sumber ant-oksida yang dijana melalui teknologi EM dipercayai dapat meningkatkan daya pemulihan semula jadi tubuh badan.

Ketua Pengawai Eksekutif Ecolife, Joe Thye berkata, di setiap sudut pusat kesihatan yang berkonsepkan mesra alam itu dipenuhi dengan udara yang dijana melalui teknologi EM bagi menghasilkan sumber ant-oksida.

"Melalui kajian purata seorang dewasa bernafas sebanyak 3,000 gelen (1,000 liter) udara ke dalam badan setiap hari.

"Oleh itu ketika pelanggan berada di Ecolife mereka membawa masuk udara antioksidan ke dalam badan pada setiap saat," katanya pada pelancaran Pusat Kesihatan Ecolife di Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini.

Menurut Thye, secara umumnya terapi di Ecolife adalah hasil gabungan

tiga jenis unsur yang penting - tenaga antioksidan, infra merah jauh dan terapi haba, yang akan mempertingkatkan daya pemulihan semula jadi badan sekali gus meningkatkan tahap kesihatan.

Katanya, terapi haba akan mengaktifkan sistem saraf autonomi dan hormon, serta dapat meningkatkan metabolisme sel badan kita.

Infra merah jauh pula dapat meningkatkan keupayaan detoks dalam sel badan melalui getaran, manakala tenaga antioksidan dapat mengimbangi radikal bebas yang berada dalam badan kita, justeru dapat mengurangkan kerosakan sel.

"Hasilnya badan bersenam semasa berehat di pusat kesihatan yang selesa ini. Dengan menjalani terapi secara tetap, masalah yang kita hadapi seperti berlebihan berat badan, tekanan darah tinggi, kencing manis dan sebagainya dapat dikurangkan," katanya.



JOE Thye (dua dari Kanan) bersama para tetamu pada majlis pelancaran Pusat Kesihatan Ecolife baru-baru ini.